

Ismail Sabri, pemimpin ASEAN bertemu Biden

Washington: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bertemu Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden dan pemimpin ASEAN di Rumah Putih.

Presiden Biden mengadakan pertemuan dengan pemimpin ASEAN yang berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS yang berlangsung dua hari bermula kelmarin.

Pertemuan bersejarah ini dilihat sebagai titik permulaan untuk membawa impak positif terhadap hubungan diplomatik, dagang dan ekonomi kepada Malaysia.

Ketika pertemuan berlangsung, Ismail Sabri turut menekankan kepaksian ASEAN dalam kerjasama ASEAN-AS di sidang kemuncak itu, selain berharap ia menjadi landasan strategik bagi kedua-dua pihak mengkaji serta meneroka bidang kerjasama pragmatik bagi memperkukuh kerjasama sedia ada.

Perdana Menteri turut menyertai Biden dan pemimpin ASEAN untuk bergambar berkumpulan di pekarangan Rumah Putih, sebelum menghadiri

majlis makan malam dihoskan Presiden Biden di Rumah Putih.

Sidang kemuncak khas dengan pemimpin negara Asia Tenggara itu kali kedua dianjurkan oleh Presiden AS di negara ini.

Pada Februari 2016, Presiden ketika itu, Barack Obama, mengalu-alukan pemimpin ASEAN di Sunnylands, California.

Pemimpin ASEAN lain yang menghadiri pertemuan kali ini ialah Sultan Brunei, Sultan Hasnanal Bolkiah, Presiden Indonesia, Joko Widodo, Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan Perdana Menteri Kemboja Hun Sen.

Perdana Menteri Thailand, Prayut Chan-o-cha, Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh dan Perdana Menteri Laos, Dr Phankham Viphavanh juga menghadirinya.

Filipina yang kini mengadakan pilihan raya umum diwakili Setiausaha Luar Teodoro Locsin Jr. Tiada wakil dari Myanmar, negara di bawah pemerintahan junta berikutan rampasan kuasa 1 Februari 2021.

Sebelum ini dilaporkan baha-

wa pentadbiran Biden menetapkan sebagai keutamaan untuk menjadi rakan yang kukuh dan boleh dipercayai di Asia Tenggara.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-AS secara maya pada Oktober tahun lalu, Biden mengumumkan AS\$102 juta (RM448 juta) dalam inisiatif baharu untuk mengembangkan pembabitannya dengan ASEAN.

Ia meliputi pemulihan COVID-19, kesihatan, keselamatan, menangani krisis perubahan iklim, merangsang pertumbuhan ekonomi yang meluas dan meningkatkan hubungan rakyat dengan rakyat.

Ketika berada di Washington, Ismail Sabri turut bertemu pegawai kanan syarikat utama Amerika termasuk wakil Microsoft, Google, Tesla, Boeing, IBM, Texas Instruments, GE Aviation, Conoco Phillips, Ford, National Instruments, Infineon, Micron dan Insulet.

Mereka termasuklah Presiden Boeing untuk Asia Tenggara, Alexander Feldman, Ketua Dasar Persekutuan Tesla, Hasan Nazar, Naib Presiden Korporat Hal Ehwal Awam Micron, Court-

ney Geduldig.

Presiden bagi Asia Pasifik, Jepun dan China di Cisco, Dave West; Naib Presiden Hal Ehwal Kerajaan dan Dasar Awam Google, Karan Bhatia serta Naib Presiden dan Ketua Perhubungan Kerajaan Global Texas Instrument, Steve Bonner.

Yang turut hadir, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Azmin Ali serta Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah.

Antara lain, beliau menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) Malaysia dan tiga entiti Amerika, iaitu World Innovation, Technology and Services Alliance (WITSA), Accenture PLC dan Human Resource Certification Institute (HRCI).

Perdana Menteri turut menyaksikan penyerahan Surat Niat (LoI) oleh MyDigital Corporation Malaysia kepada empat syarikat Amerika iaitu Cisco Systems Inc; Intel Corporation; Microsoft Corporation dan Micron Technology Inc serta penyerahan surat kelulusan dari-

pada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kepada Advanced Micro Devices Inc untuk pengembangan syarikat itu di Malaysia.

Kemudian, Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood, memberitahu media Malaysia bahawa tiga MoU yang dimeterainya akan membolehkan latihan yang lebih baik untuk rakyat Malaysia.

Sementara itu, Malaysia meraih pelaburan bernilai hampir RM2 bilion daripada syarikat semikonduktor, TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn Bhd, susulan penyerahan surat kelulusan daripada MIDA kepada syarikat itu.

Mohamed Azmin berkata, pelaburan itu untuk pelan pembangunan syarikat, yang akan mewujudkan 2,000 pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat Malaysia.

“Ini sejajar dengan hala tuju Malaysia ke arah menggalakkan inovasi dan nilai tambah berimpak tinggi untuk perniagaan tempatan dan kekal sebagai hab pembuatan di rantau ini,” katanya selepas menyaksikan majlis penyerahan itu bersama Perdana Menteri. BERNAMA